

29 AUG 2002

Mahathir - perpaduan (bergambar)

KETEPIKAN PERBEZAAN KETIKA SAMBUT HARI KEBANGSAAN, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 29 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta rakyat menyambut Hari Kebangsaan dengan melihat diri mereka sebagai warganegara Malaysia dan melupakan sebarang perbezaan.

"Perpaduan ini amat penting bagi kesejahteraan dan keamanan negara kita, dan kita patut melupakan perbezaan antara kita dan sebaliknya mengutamakan kerakyataan atau kewarganegaraan Malaysia kita," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian dalam ucapan ringkas di hadapan 2,000 rakyat berbilang kaum di Dataran Perdana di sini pada majlis penyerahan kad ucapan Hari Kebangsaan ke-45 yang akan disambut Sabtu ini.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menerima kad ucapan daripada murid sekolah serta 32 pertubuhan yang mewakili pelbagai lapisan masyarakat. Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir berkata dengan melupakan perbezaan itu rakyat sedikit demi sedikit akan dapat mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu padu dan menjamin keamanan.

"Dengan keamanan ini, maka kita dapatlah membangunkan negara kita dengan cara yang mendatangkan kebaikan kepada kita bersama. Itulah harapan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun terdapat perbezaan antara rakyat daripada segi keturunan, bahasa, budaya dan agama tetapi ketika merayakan Hari Kemerdekaan, "rakyat hanya merasakan satu iaitu sebagai rakyat Malaysia".

"Negara kita adalah negara berbilang kaum dan tiada satu masa yang kita dapat menunjukkan perpaduan negara seperti pada masa kita merayakan kemerdekaan negara.

"Pada hari ulang tahun ini, kita betul-betul merasa bahawa kita adalah rakyat Malaysia daripada semua kaum," katanya.

Dr Mahathir, yang berkata beliau terharu dengan sokongan dan semangat yang ditunjukkan oleh rakyat sempena sambutan Hari Kebangsaan, yakin rakyat akan terus hidup aman dan makmur selagi mereka menghargai kemerdekaan.

-- BERNAMA

RZS SHI AKT MAI